

16 SEP 2003

AM-SASARAN (Ulangan)

NCSB SASAR PUNGUT RM10 JUTA MENJELANG 2008

KOTA BAHARU, 16 Sept (Bernama) -- Nuzihan Consultance Sdn Bhd (NCSB), agensi perunding insurans hayat AmAssurance Berhad, menjangka purata premium yang dipungut menjelang 2008 adalah sebanyak RM10 juta setahun.

Pengarah Urusan NCSB, Nuzihan Zakaria berkata, ini berdasarkan kepada peningkatan tahunan sekarang iaitu RM1 juta setahun dan tahun ini dijangka RM6 juta, jangkauan itu akan mencapai sasaran.

"Tidak mustahil ianya diperolehi memandangkan kesedaran orang ramai dan galakan kerajaan dalam memastikan setiap rakyat memiliki premium insurans masing-masing," katanya kepada Bernama ketika memberi reaksi berhubung kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Bajet 2004.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2004 antara lain mencadangkan syarikat insurans memperluaskan liputan dengan menawarkan kos premium yang berpatutan dan mampu ditanggung oleh sebahagian besar rakyat.

Katanya, kos rawatan kian meningkat, subsidi oleh kerajaan untuk perkhidmatan kesihatan kepada semua rakyat dengan caj perkhidmatan yang paling rendah, sudah menjadi beban yang terlalu berat.

Nuzihan berkata, NCSB akan memberi tumpuan lebih dalam menyedarkan masyarakat tentang perlunya polisi insurans terutama penduduk di luar bandar.

Katanya, selain perubahan cara hidup masyarakat dan keperluan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik seseorang juga perlu kepada peralatan rawatan yang sofistikated.

Beliau berkata, pemilihan cara rawatan yang baik menyebabkan kos rawatan yang tinggi dan ini perlu kepada pihak lain yang membiayai kos perkhidmatan itu.

"Di sinilah peranan insurans dalam membantu masyarakat, mengurangkan beban perubatan dan kos rawatan yang tinggi," katanya.

Menurut Nuzihan, bagi tempoh itu juga, agensi di bawahnya menjangkan 1,000 agen dan 40 pengurus agensi akan dilantik di seluruh negara memberi penjelasan dan kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya memiliki polisi insurans.

Nuzihan berkata, sekarang terdapat 300 agen NCSB di mana 90 peratus adalah graduan yang lulus dalam pelbagai bidang termasuk bidang profesional.

"Kebanyakan mereka mempunyai pendidikan yang tinggi, lulusan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta dalam dan luar negara," katanya.

Katanya, bagi tahun kewangan 2001/2002 sebanyak RM1.8 juta premium dapat dipungut dan tahun kewangan 2002/2003 sebanyak RM2.8 juta telah diperolehi dan menjangka tahun kewangan 2003/2004 sebanyak RM6 juta dapat dipungut.

"Untuk Julai lepas seramai 1,430 orang pencaerum membeli polisi dengan jumlah keseluruhan RM2.57 juta setahun," katanya.

"Inilah perkembangan terbaik yang dicapai oleh NCSB, iaitu satu rekod pencapaian yang sukar ditandingi," katanya.

Katanya, minat mendalam serta komitmen yang tinggi dalam kerjaya membolehkan kumpulan sasaran menerima maklumat yang lebih jitu sekaligus merealisasikan hasrat kerajaan.

"Apa yang kita buat sekarang, menyedarkan orang ramai tentang perlunya insurans," katanya.

Beliau yang juga Naib Presiden Persatuan Perunding Insurans Bumiputera

Malaysia berkata, minat masyarakat bawahan terhadap insurans telah meningkat dan sebahagian mereka mempunyai dua polisi insurans.

Bagaimanapun, sebahagian besar masih tidak mampu memiliki mana-mana polisi insurans berikutan pendapatan yang tidak menentu dan kos saraan yang semakin meningkat," katanya.

Beliau menyarankan kerajaan menyediakan subsidi kepada golongan tertentu bagi membolehkan mereka turut mempunyai polisi insurans masing-masing.

Katanya, bagi menjayakan peluasan itu, NCSD merancang setiap bandar utama di negara ini diadakan cawangan baru menjelang 2005. -- BERNAMA

MNR AHM